

03/06/2003

Kepemimpinan SBA diharap berani baiki kelemahan sendiri

Kamarudin Ahmad

ADA penari menyalahkan lantai. Sebenarnya lantai adalah sama rata untuk semua penari.

Inilah aspek kepemimpinan yang ingin disampaikan kepada pucuk pimpinan Persatuan Badminton Selangor (SBA).

Saya membangkitkan perkara ini selepas membaca rencana yang disiarkan dalam ruangan Sukan akhbar ini pada 28 Mei lalu.

Pucuk pimpinan SBA sedia ada sudah memimpin SBA selama 16 tahun. Ini adalah satu tempoh yang panjang.

Dalam tempoh 16 tahun itu, Malaysia berjaya mencipta banyak kejayaan besar termasuk membangunkan projek kereta nasional dan membina Menara Berkembar Petronas.

Kita juga mampu melahirkan individu yang berjaya mengharumkan nama negara dengan mencipta rekod dunia. Apa yang boleh dilakukan oleh orang asing, rakyat tempatan turut dapat melakukannya.

Kejayaan pemimpin dan rakyat negara ini adalah lambang kesungguhan kita

bagi mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Banyak perkara yang 16 tahun dulu dianggap sebagai tidak masuk akal, kini menjadi kenyataan. Apakah rahsianya?. Jawapannya terletak kepada kewibawaan pemimpin. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan tumpuan kepada tanggungjawab untuk membangunkan negara. Beliau

tidak membuang masa dengan polemik atau berdebat.

Kemajuan negara sudah tentu terhalang jika beliau banyak melayan golongan yang hanya pandai mempolemikkan dasar pembangunan sehingga pemimpin tidak jadi kerja.

Sememangnya orang tidak membuang masa dengan polemik atau berdebat. orang yang asyik bercakap, berbahas dan berpolemik akan mengelirukan dirinya sehingga tidak ada apa apa yang dapat dilaksanakan.

Pucuk pimpinan SBA harus mencontohi ciri kepemimpinan Dr Mahathir. Laksanakan projek dulu. Sebarang kelemahan boleh diperbaiki kemudian. Jangan takut untuk mencuba. Ingatlah pepatah Melayu "kalau hendak seribu daya, jika tak mahu seribu dalih."

Minda kepemimpinan SBA sungguh membimbangkan saya, apabila menyatakan menghadapi kesulitan dalam menguruskan Dewan SBA di Kampung Attap, Kuala Lumpur, yang hanya memiliki lima gelanggang.

Mereka takut untuk menyahut cabaran membangunkan Kompleks Badminton Selangor. Nampaknya mereka rela kekal di Kampung Attap, sampai bila-bila pun.

Sepatutnya mereka segera berusaha pindah ke Selangor selaras dengan fungsi SBA sebagai Persatuan Badminton Selangor.

Di mana pula logiknya keputusan untuk memansuhkan beberapa ahli gabungan

SBA semata-mata kerana alamat pendaftaran mereka di Kuala Lumpur, sedangkan SBA sendiri beralamat di Kampung Attap, Kuala Lumpur?

Pucuk pimpinan SBA harus prihatin bahawa isu SBA bukan sekadar permainan

badminton. Ia turut membabitkan isu pertalian persahabatan dan kerjasama

yang lama terjalin di antara ahli gabungan SBA.

Usaha untuk memutuskan talian persahabatan SBA adalah tidak munasabah dan tidak harus dilakukan oleh mana-mana pemimpin. Mesti ada cara lain yang lebih bijak untuk kebaikan semua pihak.

Sebagai rakyat Malaysia kita bangga dan kagum dengan kejayaan dicapai dalam tempoh 16 tahun.

Terbukti nyata orang Malaysia serba boleh. Tidak ada projek yang terlalu besar untuk dimajukan, tidak ada gunung terlalu tinggi untuk ditawan dan tidak ada cabaran terlalu besar untuk dihadapi.

Segalanya bermula dengan sikap fikirkan boleh. Semoga SBA berfikiran boleh.

Kita janganlah terlalu jumud dan berpuas hati dengan apa yang ada.

Kita

perlu luaskan minda dan fikiran untuk kemajuan bangsa dan negara. Jika kita sendiri tidak mulakan, tiada siapa yang akan memulakannya untuk kita.

Kalau kita ingin maju, kita perlu berani membuat perubahan dan melakukan sesuatu yang mungkin dianggap mustahil, tetapi sebenarnya mampu kita laksanakan.

KAMARUDIN AHMAD,

Kuala Lumpur.